

MEDIA CLIPPING

Client :	Heng Huat Resources Group Berhad	Date :	1 July 2014
Media :	Utusan Malaysia	Section :	Business
Language :	Malay		

“Heng Huat intends to set up office in China”

Heng Huat mahu buka pejabat di China

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 30 Jun - Heng Huat Resources Group Bhd., pengeluar bersepadu kelapa sawit dan produk biomas kelapa di Malaysia merancang untuk menubuhkan pejabat di China bagi memenuhi permintaan terhadap gentian tandan kering (EFB) di negara itu yang semakin meningkat.

Pengarah Urusannya, H'ng Choon Seng berkata, jumlah eksport keluaran syarikat ke China terutamanya bagi gentian EFB adalah lebih dua kali ganda pada tahun sebelum ini dan Heng Huat berhasrat memasuki

China sebagai strategi pengembangan operasi.

“Dengan perancangan untuk menubuhkan sebuah anak syarikat di China, kami berharap ia bukan sahaja dapat mengukuhkan rangkaian kami dalam kalangan pengguna industri, tetapi juga terus memacu trend pasaran ke hadapan dalam memenuhi permintaan pasaran,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Terletak di Pulau Pinang dan Kedah, kilang pemprosesan biomas kelapa sawit Heng Huat menukar sisa biomas kelapa sawit kepada gentian EFB untuk pelbagai aplikasi industri seperti pengeluaran tilam.

Dalam perkembangan lain, Heng Huat menawarkan 45.6 juta saham baharu dan 14.66 juta saham sedia ada untuk dijual di bawah proses penyenaian di Pasaran ACE Bursa Malaysia. Menurut prospektus yang diterbitkan hari ini, Heng Huat menawarkan saham 10 sen pada harga 45 sen.

Sebanyak 46.5 juta saham baharu terdiri daripada tujuh juta saham terbuka kepada orang awam, kakitangan yang layak (lima juta) dan pelabur swasta (12.2 juta). Baki 22.3 juta saham baharu itu akan ditawarkan kepada pelabur bumiputera yang diluluskan.

Para pemegang saham Heng Huat Resources juga menawarkan untuk menjual 14.66 juta saham sedia ada yang akan ditawarkan kepada pelabur terpilih.

